

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 30, 2015 3:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: 180 Atlet Wakili UUM Dalam Karnival Sukan Masum 2015



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

30 JULAI 2015 / 14 SYAWAL 1436H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

180 ATLET WAKILI UUM DALAM KARNIVAL SUKAN MASUM 2015



UUM ONLINE: Seramai 180 atlet mewakili Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor bermula 27 Julai hingga 7 Ogos.

Kontinjen UUM diketuai oleh Pengarah Pusat Sukan, Prof. Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee akan mengambil bahagian dalam lapan acara sukan daripada 20 acara yang dipertandingkan iaitu Taekwando, Catur, Karate-Do, Sofbol, Petanque, Bola Keranjang, Pencak Silat dan Memanah.

Karnival yang berlangsung dalam dua fasa itu melibatkan penyertaan 20 buah universiti tempatan di seluruh Malaysia.

Fasa 1 yang bermula 29 Julai hingga 4 Ogos 2015 melibatkan sukan Ragbi 15 sebelah, Bola Baling, Bola Tampar, Bola Sepak, Bola Jaring, Hoki Wanita, Catur, Woodball, Renang dan Taekwondo.

Sementara Fasa 2 yang akan berlangsung dari 31 Julai hingga 6 Ogos 2015 membabitkan sukan Karate-Do, Bola Keranjang, Lawn Bowls, Petanque, Sofbol, Futsal, Sepak takraw, Memanah, Pencak Silat dan Basikal.

Bagi mempersiapkan diri menghadapi karnival berkenaan, kontinjen UUM telah menjalani kem latihan pusat bermula dari 22 hingga 29 Julai lalu bertempat di Dewan Penginapan Pelajar MISC.

Atlet UUM yang dibahagikan kepada lima kumpulan juga mencipta satu "WAR CRY" dijadikan sebagai moto kontinjen UUM ke MASUM.

Prof. Dr. Mohd Sofian turut hadir memberi kata-kata perangsang dan motivasi kepada para atlet untuk menyuntik semangat dan memantapkan lagi mental para atlet. Beliau berharap kontinjen UUM dapat membawa pulang sebanyak mungkin pingat di MASUM.

Majlis Penyerahan Bendera UUM telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr Dino Khairi Shariffuddin kepada Ketua Pasukan UUM, Mohd Amirull Rahim Mohd Nordin pada 25 Julai lalu.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052

FAKS: 04-928 3053

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

